

# **HALANGAN PENGEMBANGAN TANAH WAKAF PRODUKTIF DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA**

## **CHALLENGES IN DEVELOPING PRODUCTIVE WAQF LAND IN SELANGOR, MALAYSIA**

**MUHD TARMIZI BIN ABD KADIR\***

UIN ARRANIRY

Banda Aceh Darussalam

hikmahteguh99@gmail.com

A PEER-REVIEW ARTICLE

(RECEIVED 1/7/2024: REVISED 12/11/2024: ACCEPTED: 22/11/2024)

---

### **ABSTRACT**

In 2021, there were 1,425 lots of waqf (endowed) land, covering a total area of 1,655.14 acres, registered under the Selangor Waqf Corporation, Malaysia (PWS). Out of these figures, 1,321 lots of land with a total area of 1,461.78 acres, or 93%, have been utilised for public purposes. However, there are still 193.36 acres that have not yet been utilised to enhance the well-being and benefit of the community. Several obstacles were identified, including limited understanding of waqf functions, legal barriers, and the restricted role of Baitulmal in overseeing waqf land. The focus of this study was to explore how scholars view the functions and potential of waqf land, as well as the governance process towards developing more productive waqf land based on Islamic law. This research involved both Library Research and Field Research, adopting a qualitative approach. Its objective was to determine the conceptual relevance to real-world conditions and to elucidate the meanings behind various phenomena. Based on this research, it can be concluded that the development of productive waqf land, based on the principles of Islamic law, can enhance the economic viability and quality of the governance system of waqf land in Selangor, Malaysia.

**Keywords:** Development, Waqf Land, Productive

### **1. PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya (Al-Syarbini, M. I. al-K., 1997). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai usaha pendampingan diri kepada Allah S.W.T. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa. Ianya

hak milik mutlak Allah S.W.T.

Wakaf merupakan salah satu potensi sumber dana umat yang perlu dikembangkan, dimanfaatkan, dan diurus secara profesional untuk mencapai manfaat yang optimum dalam menghapus kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Untuk meningkatkan potensi wakaf, kerjasama antara institusi wakaf yang ditubuhkan oleh masyarakat dan badan wakaf yang dibentuk oleh kerajaan adalah perlu, dengan anggotanya terdiri daripada nazhir dalam masyarakat serta pihak kerajaan (Abdurrohman, K., 2017).

Di Malaysia, konsep wakaf telah melalui evolusi untuk menjadi “wakaf produktif”. Konsep wakaf produktif ini bermula daripada amalan wakaf Islam tradisional yang telah diamalkan selama berabad-abad di serata dunia termasuk Malaysia. Wakaf adalah satu bentuk sumbangan di mana seseorang mendermakan harta seperti tanah, bangunan, atau aset lain untuk tujuan kebaikan atau keagamaan. Pendapatan daripada asset-asset ini digunakan untuk menyokong pelbagai tujuan, seperti pendidikan, kesihatan, dan menghapuskan kemiskinan.

Wakaf produktif muncul sebagai respons terhadap keperluan masyarakat yang berubah serta hasrat untuk memaksimumkan manfaat wakaf. Konsep ini melibatkan penggunaan harta wakaf untuk aktiviti produktif, seperti pelaburan dalam perniagaan atau industri, dengan matlamat menghasilkan peningkatan pendapatan bagi manfaat penerima wakaf. Perkembangan wakaf produktif di Malaysia berkait rapat dengan perkembangan kewangan syariah dan pertumbuhan ekonomi Islam. Kerajaan dan pelbagai organisasi Islam telah menyokong pembangunan wakaf produktif, menyedari potensinya untuk menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pembangunan wakaf produktif di Malaysia didorong oleh keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan wakaf serta memastikan harta wakaf dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kepentingan masyarakat.

Manfaat dari wakaf produktif biasanya dilaburkan atau diuruskan agar memberikan hasil yang berterusan. Beberapa contoh dari wakaf produktif adalah wakaf pertanian iaitu tanah yang diwakafkan untuk kegiatan pertanian yang hasilnya dapat digunakan untuk kesejahteraan masyarakat atau tujuan sosial lainnya, wakaf perdagangan iaitu modal atau aset yang diwakafkan untuk kegiatan perniagaan, yang keuntungannya digunakan untuk kepentingan masyarakat, wakaf harta tanah seperti kompleks/bangunan atau tanah yang diwakafkan untuk disewakan, dan pendapatannya digunakan untuk tujuan kemanusiaan, pendidikan, atau kesihatan dan wakaf infrastruktur melalui investasi dalam infrastruktur seperti pembangunan jambatan, jalan, atau fasiliti umum lainnya yang dapat menghasilkan pendapatan. Perbezaan utama antara wakaf biasa dan wakaf produktif adalah bagi wakaf biasa ianya lebih fokus pada kegiatan ibadah dan masyarakat serta tiada faktor ekonomi, sementara wakaf produktif

bertujuan untuk menghasilkan keuntungan ekonomi yang dapat digunakan untuk kepentingan masyarakat.

Oleh itu, adalah perlu untuk meneliti wakaf produktif dari perspektif hukum Islam. Wakaf produktif merupakan satu transformasi dalam pengurusan wakaf secara profesional untuk meningkatkan kemanfaatannya. Wakaf produktif juga boleh ditakrifkan sebagai proses pengurusan sesuatu harta bagi menghasilkan barang atau perkhidmatan secara optimum dengan penggunaan modal yang minimum. Melalui wakaf produktif, harta yang pada asalnya untuk tujuan digunakan dialihkan kepada aktiviti pengeluaran dan pelaburan dalam bentuk modal pengeluaran yang mampu menjana hasil, serta menyediakan sesuatu yang boleh dimanfaatkan pada masa hadapan, sama ada oleh individu, kumpulan, atau masyarakat umum. Oleh itu, wakaf produktif menjalankan aktiviti menabung dan melabur secara serentak (Monzir, Q., 2016).

## **2. PERMASALAHAN**

Pelembagaan dan pengurusan wakaf adalah isu yang penting untuk dibincangkan sebagai masalah asas yang perlu diselesaikan dengan menyediakan penyelesaian alternatif yang boleh diterapkan pada masa kini dan masa depan. Pengurusan tersebut boleh direalisasikan dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi masyarakat, yang pada asasnya dilaksanakan sebagai salah satu potensi meningkatkan harta agama, kerana secara konsepnya wakaf adalah salah satu sistem institusi keagamaan yang seharusnya diurus dengan baik mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Berdasarkan masalah tersebut, perkara yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah:

- a. Bagaimana konsep wakaf dalam hukum Islam?
- b. Bagaimana sistem pembangunan tanah wakaf khas secara produktif untuk kemaslahatan umat yang selaras dengan ajaran Islam?
- c. Bagaimana pola pengurusan tanah wakaf khas di negeri Selangor, Malaysia?

### **3. OBJEKTIF**

Berdasarkan rumusan masalah yang telah dinyatakan di atas, kajian ini bertujuan seperti berikut:

- a. Untuk mengetahui sejauh mana sistem pengurusan potensi tanah wakaf yang dibangunkan dan peranannya dalam memajukan pertumbuhan ekonomi masyarakat Islam di Selangor Darul Ehsan.
- b. Untuk mengetahui cara mengurus tanah wakaf produktif mengikut undang-undang yang berkuat kuasa dan pelaksanaannya di lapangan.
- c. Untuk turut serta dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi masyarakat dalam pengurusan tanah wakaf di negeri Selangor.

### **4. SOROTAN LITERATUR**

Kajian oleh Siti Masriyah (2024) menunjukkan bahawa salah satu cara untuk mengurangkan kejahanan, kemiskinan, dan kemunduran adalah melalui wakaf produktif. Wakaf produktif pada asasnya dilaksanakan dengan dua komponen utama: komponen keagamaan dan komponen sosial ekonomi. Nazhir wakaf adalah pihak yang mempunyai pengaruh terbesar dalam menentukan kejayaan atau kegagalan penggunaan harta wakaf produktif dalam pengurusannya di Indonesia. Dengan melibatkan bantuan daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk orang awam, ulama, pemilik perniagaan, dan lain-lain, harta wakaf dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan umat Islam, khususnya dalam jangka masa yang panjang. Dalam sistem ekonomi masa kini, pengagihan harta wakaf untuk tujuan produktif akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi masyarakat.

Kajian oleh Muhammad Agil *et al.* (2023) menunjukkan bahawa dalam konteks pengurusan wakaf produktif, strategi pengurusan risiko merupakan elemen utama yang sangat penting dalam menjaga kelestarian dan kejayaan program wakaf. Risiko yang mungkin timbul dalam pengurusan aset wakaf produktif boleh berpuncak daripada pelbagai faktor, seperti ekonomi, sosial, politik, dan undang-undang. Oleh itu, pengurusan risiko yang berkesan memerlukan usaha berterusan untuk mengenal pasti, menilai, dan mengawal risiko tersebut. Langkah pertama dalam pengurusan risiko ialah mengenal pasti risiko, di mana risiko-risiko yang berpotensi dikenal pasti dan difahami. Penilaian risiko pula membolehkan

kita menilai sejauh mana risiko tersebut boleh memberi kesan terhadap program wakaf produktif. Seterusnya, pengembangan strategi kawalan risiko melibatkan perancangan tindakan yang kukuh untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko berkenaan. Pelaksanaan strategi kawalan risiko memerlukan tindakan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat serta pemantauan yang teliti. Akhirnya, penilaian dan pengawasan berterusan memastikan bahawa strategi kawalan risiko kekal relevan dan berkesan. Ini membolehkan pengurus wakaf untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran perniagaan dan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi risiko. Selain itu, pengawasan berterusan turut melibatkan ketelusan dalam pelaporan kepada pihak berkepentingan. Dalam usaha untuk mengekalkan kelestarian program wakaf produktif, pengurusan risiko adalah instrumen yang amat penting. Melalui langkah-langkah mengenal pasti, menilai, mengawal, melaksanakan, menilai, dan mengawasi, pengurus wakaf dapat meminimumkan risiko, melindungi aset wakaf, dan memastikan manfaat yang dihasilkan daripada program wakaf kekal lestari serta memberi manfaat kepada masyarakat.

Kajian oleh Rahmatillah (2022) menunjukkan bahawa pengurusan wakaf produktif di Kabupaten Pidie pada umumnya digunakan untuk tanah perkebunan, sawah, kedai, tambak, dan juga dalam bentuk persatuan latihan menjahit. Walau bagaimanapun, terdapat juga tanah wakaf yang terbiar menjadi kawasan kosong yang sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk tujuan sosial dan ekonomi umat. Kurangnya perkembangan dalam pengurusan wakaf produktif bukan sahaja disebabkan oleh nazhir yang tidak profesional, tetapi juga kerana kekurangan dana untuk menguruskan aset wakaf produktif. Beberapa cabaran lain yang dalam pengurusan wakaf produktif adalah seperti kurangnya sosialisasi tentang wakaf produktif, pengawasan yang tidak teratur atau intensif dan kekurangan dalam aspek pengurusan wakaf. Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan wakaf produktif, beberapa cadangan seperti meningkatkan kemahiran sumber manusia melalui peningkatan ilmu yang berterusan untuk nazhir dan perlunya komunikasi yang lebih khusus dan efisien mengenai wakaf produktif.

Kajian oleh Dini Selasi & Muzayyanah (2020) menunjukkan bahawa wakaf merupakan amalan menyerahkan harta kepada Allah SWT dengan menahan pokok harta tersebut dan mengembangkan hasil penggunaannya melalui pengurusan oleh nazhir. Hasil daripada pelaburan ini kemudiannya disalurkan kepada mauquf ‘alaihi sebagai penerima manfaat. Terdapat pelbagai jenis wakaf yang boleh disalurkan oleh wakif kepada nazhir untuk dikembangkan. Peranan wakaf dalam pembangunan tidak boleh dianggap kecil kerana wakaf berpotensi mengubah keadaan masyarakat menjadi lebih sejahtera, dengan fungsi utamanya sebagai ibadah kepada Allah SWT dan sebagai aktiviti masyarakat. Aktiviti masyarakat inilah yang menjadikan wakaf sebagai pemangkin kepada pembangunan negara, terutama

dalam bidang pendidikan, kesihatan, pertanian, ekonomi dan kewangan, serta teknologi. Bidang-bidang ini penting dalam usaha pembangunan negara.

Kajian oleh Sri Rahmany (2019) menunjukkan bahawa prosedur dan langkah-langkah bagi mewakafkan harta benda melalui beberapa tahap berikut: (i) Pemberitahuan bertulis daripada pihak wakif kepada Majlis. Dalam pemberitahuan ini, tujuan dan maksud wakaf harus dinyatakan dengan jelas, disertakan dengan dokumen seperti akta tanah yang membuktikan bahawa tanah atau harta tersebut adalah milik wakif; (ii) Pemeriksaan Harta, di mana Majlis menjalankan pemeriksaan terhadap harta benda yang dimaksudkan supaya pengesahan yang dibuat dapat diakui kesahihannya; (iii) Majlis Penyerahan Harta, iaitu pengesahan yang dilakukan oleh wakif di hadapan Majlis dengan disaksikan oleh dua saksi di atas borang lafaz wakaf yang merangkumi perincian jenis harta, tujuan, dan ruang untuk tandatangan pihak-pihak yang terlibat; (iv) Proses Tukar Hak Milik Harta, iaitu penyusunan semula dan pelengkap dokumen pentadbiran yang dilakukan oleh Baitulmal setelah menerima penyerahan daripada Majlis. Baitulmal akan memohon secara rasmi kepada Pejabat Tanah untuk mengurus akta hak milik tanah tersebut; (v) Proses Pembangunan Harta Wakaf, iaitu pelaksanaan pembangunan harta wakaf mengikut rancangan yang telah ditetapkan oleh Baitulmal sesuai dengan tujuan yang ditetapkan.

Dari perspektif fiqh, Siti Mashitoh Mahamood (2001) mengenai pembentukan Dana Wakaf, iaitu wakaf tunai yang disumbangkan secara kolektif, menyimpulkan bahawa harta alih (termasuk dana wakaf) boleh diwakafkan menurut perspektif Syariah, asalkan harta tersebut dapat digunakan atau dimanfaatkan secara berterusan atau berulang kali.

Wawancara dengan Dr. Musa Bin Ramli Segala hukum hukum tanah wakaf perlu disesuaikan atau diselaraskan dengan Kanun Tanah Negara atau Akta berkaitan dengan tanah yang dipakai oleh Kerajaan Malaysia. KTN tidak menyebut secara langsung dalam akta KTN berkaitan wakaf dan tidak difahami secara jelas oleh pentadbir tanah daerah (PTD). Kebanyakan para peneliti tersebut telah menekankan agar beberapa enakmen wakaf negeri dirumuskan dan dibuat agar dapat menguruskan wakaf dengan lebih efisien. Ini karena masih ada banyak kelemahan dalam ketentuan undang undang berkaitan wakaf. Kelemahan ini dapat diperhatikan terutamanya apabila melibatkan kes tuntutan tanah wakaf dari waris yang bukan Islam yang mana akan membawa masalah tersebut ke Mahkamah Sivil, sedangkan isu tanah wakaf perlu dibicarakan dalam ruang lingkup Mahkamah Syariah sendiri.

## **5. METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan kerana memerlukan dua jenis data, iaitu penyelidikan kepustakaan (library research) dan penyelidikan lapangan (field research) yang bersifat kualitatif. Kedua-dua kaedah ini saling menyokong dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana konsep teori yang diterapkan relevan dengan keadaan lapangan, agar dapat memberikan makna yang lebih mendalam terhadap pelbagai fenomena yang wujud (Muhammad, N., 1996).

Kedua-dua kaedah penyelidikan ini menggunakan pendekatan yang berbeza. Pendekatan dalam penyelidikan diperlukan kerana ia adalah cara pandang yang digunakan untuk menjelaskan data yang diperoleh dalam kajian ini (Minhaji, A., 2009). Model pendekatan penyelidikan dalam ilmu sosial dikategorikan sebagai deskriptif (Adams, C. J., 1976), termasuk di dalamnya ilmu ekonomi, ilmu pendidikan, dan sebagainya. Kajian ini adalah sebahagian daripada ilmu ekonomi (Minhaji, A., 2009). Oleh itu, kajian ini boleh dikategorikan dalam bidang ilmu sosial dan ekonomi. Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif (types of qualitative approaches) di Central Michigan University (2020) adalah pendekatan kajian kes (case study) (Boeree, 2005).

## **5. ANALISIS HALANGAN PENGEMBANGAN TANAH WAKAF PRODUKTIF DI SELANGOR**

### **5.1 Definisi**

Daripada segi istilah syarak terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha tentang takrif wakaf yang boleh dikelompokkan dalam tiga takrif.

Pertama, dikemukakan oleh Imam Abu Hanifah, wakaf iaitu menahan 'ayn harta di atas hukum milik si pewakaf, dan menyedekahkan manfaatnya kepada jalan Kebajikan (Ibn al-Hammam, K. al-D., 2003). Berdasarkan takrif tersebut maka memungkinkan bagi si pewakaf untuk kembali memiliki dan menjual harta yang telah diwakafkan (Al-Zuhaili, W., 1998).

Kedua, iaitu takrif jumhur, termasuk di dalamnya Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad bin al-Hasan daripada mazhab Hanafi, al-shafi'iyyah dan Hanabilah (Al-Bahuti, M., 1997), wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya

dengan dikekalkan 'ayn (fizikal) harta itu dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf dan hasilnya digunakan untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Berdasarkan takrif tersebut, maka harta tidak lagi menjadi milik kepada pewakaf, tetapi ia tertahan di atas hukum milik Allah SWT dan hasilnya diagharkan untuk kebajikan sesuai dengan tujuan wakaf. Takrifan yang kedua ini lebih mencakup maknanya, iaitu:

تحبس الأصل وتبيل الثمرة<sup>61</sup>

Takrifan di atas dirujuk kepada perkataan al-habs itu banyak diucapkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadithnya, antaranya hadith daripada 'Umar: (Al-Tarabulsi, B. al-D. I. b. M. b. A. B. I. al-S. A., 1981).

حبس الأصل وسبل الشمرة

"Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya itu dan berilah pada jalan Allah akan hasil buahnya (hasilnya)"

Imam al-Syafi'i mengumpamakan konsep pewakafan di atas dengan konsep pembebasan hamba ('itqu al-riqab) di mana seorang hamba tidak lagi dianggap sebagai milik tuannya setelah dibebaskan.

Ketiga, iaitu takrif daripada kalangan Malikiyyah, Wakaf ialah menyedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut kepada pewakaf secara taqdiri dengan satu aqad (lafaz ijab) mengikut kehendak pewakaf (Al-Sheikh 'A. al-S. al-'A. al-M., 1938). Ini adalah berdasarkan hadith:

Mafhumnya: "Tahanlah asal harta tersebut dan alirkan hasilnya. Maksud "menahan" di atas bukanlah bererti terputus hak milik pewakaf tetapi ia masih tetap dalam pemilikannya.

Berdasarkan takrif ini bahawa pewakaf menahan diri untuk melakukan tasarruf tamliki kepada 'ayn harta yang telah diwakafkan, sedangkan kepemilikan tetap milik pewakaf untuk masa yang tertentu. Menurut pandangan Wahbah al-Zuhayli, wakaf iaitu menahan harta yang kekal zatnya yang boleh digunakan manfaatnya untuk

tujuan kebajikan sebagai usaha taqarrub kepada Allah SWT, harta yang diwakafkan diserahkan kepada pihak tertentu dan mereka tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut secara sewenang-wenangnya (Al-Zuhaili, W.,1998).

Daripada keseluruhan takrif di atas, dapat difahami bahawa pewakaf terhalang daripada menggunakan dan mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkannya, pewakaf juga perlu berniat dalam mewakafkan hartanya untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan harta tersebut tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya, akan tetapi ia mesti digunakan untuk urusan kebajikan ummah. Menurut istilah yang digunakan dalam perundangan Islam pula, wakaf difahami sebagai suatu bentuk pembahagian harta, sama ada secara terang (sarih) atau sembunyi (kinayah) di mana harta (substance) berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan kepada tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus (Siti Mashitoh Mahamood. (2001).

## **5.2 Kelemahan Pengurusan Waqaf**

Meskipun pengurusan waqaf Negeri Selangor kian membangun dan sedang berkembang pesat seiring dengan era globalisasi dunia, namun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki dan ditingkatkan, antaranya:-

Pertama; tahap kesedaran dan pengetahuan (marhalah al-Thaqafah) masyarakat tentang wakaf dan kepentingannya masih lagi kurang. Seruan kepada wakaf ini juga pernah dibincangkan oleh cendiakawan agung Melayu, Prof Diraja Ungku Aziz, beliau menyatakan,

“Kalaularah semua umat Islam menyimpan seringgit seorang sebulan (untuk tujuan wakaf), dan bayangkan jika umat Islam berjumlah enam juta orang, maka modal terkumpul sebulan (bagi umat Islam) ialah sebanyak enam juta ringgit.”

Program wakaf ini sepatimana pernah diusahakan pihak-pihak tertentu ternyata masih gagal mendapat sambutan masyarakat. Persepsi masyarakat terhadap beberapa aspek dalam ibadah seperti wakaf masih lagi cetek dan ia belum lagi

menjadi isu yang sensitif seperti ibadah umrah, korban yang sering dibincangkan kelebihan/kebaikan dalam sesi pembelajaran.

Kedua: Masalah perundangan waqaf Negeri Selangor (Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 7/1999) masih lagi belum dapat menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan Akta Tanah Negara. Jadi, enakmen dan akta tentang wakaf kelihatan sempit dan tidak fleksibel (mudah ubah). Isu kritikal berkaitan wakaf sebenarnya bertitik tolak dari polisi kerajaan dan perlombagaan Malaysia itu sendiri yang telah memisahkan pengurusan wakaf kepada institusi agama negeri-negeri.

Ketiga: Kebanyakkan harta wakaf terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai pembangunan. Manakala, tanah wakaf di kawasan pedalaman pula tidak dapat digunakan oleh kerana tiada keperluan dan tiada nilai komersial selain jauh untuk pembangunan.

Keempat: Tanah-tanah wakaf turut diceroboh dan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan dibina penempatan dan premis-premis perniagaan. Adapun bagi premis perniagaan yang berada di atas tanah wakaf, tarif sewa yang dikenakan pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terhadap peniaga adalah sangat rendah daripada harga semasa. Ini menyebabkan institusi agama negeri-negeri tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk digunakan bagi menyalurkan bantuan.


Kelima: Masih terdapat waris-waris yang belum mendaftarkan tanah-tanah wakaf di pejabat agama negeri. Ini menyebabkan ketiadaan rekod yang menyebabkan kawasan wakaf tidak boleh dibangunkan.

Keenam: Perkembangan dan pembangunan aplikasi wakaf dalam konteks kewangan masih belum lagi dapat dilaksanakan secara komersial sepenuhnya di institusi kewangan seperti di bank-bank memandangkan ia memerlukan sokongan wakaf daripada orang ramai. Konsep dan produk berasaskan wakaf sebenarnya boleh dibangunkan dalam bentuk kewangan serta boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak.

Namun begitu, meskipun pengurusan dan perlaksanaan wakaf di Negeri Selangor masih menghadapi banyak masalah, namun Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dapat mencari penyelesaian dari masalah tersebut bagi membangunkan harta wakaf agar tidak terbiar begitu sahaja.

### 5.3 Pemerkasaan Pengembangan Wakaf Di Negeri Selangor

Pengurusan hartaanah wakaf di Selangor bagi 2022 melibatkan kluasan sebanyak 1,741 ekar. Pecahan hartaanah adalah seperti di bawah:



Rajah 1: Pendaftaran Hartanah Wakaf sehingga 31 Disember 2022

Wakaf sememangnya amat penting dalam muamalah sehari-hari umat Islam. Wakaf yang dahulunya dianggap sebagai ibadah sampingan yang terpencil semata-mata, kini telah berkembang pesat di seluruh dunia. Negeri Selangor merupakan negeri yang terkehadapan dalam pengurusan waqaf namun masih menghadapi halangan dan cabaran. Bagi penambahbaikan dan pemerkasaan industri wakaf di Negeri Selangor, beberapa pemerkasaan perlu diusahakan antaranya:

Pertama: Langkah pertama yang perlu adalah dengan menambahkan lagi kesedaran masyarakat terhadap wakaf. Para ustaz, pensyarah dan guru agama di pusat pengajian agama contohnya, perlu merombak silibus pengajian dan kuliah-kuliah

di masjid-masjid dan surau-surau. Mereka perlu sering mengetengahkan dan menerapkan mawdu'-mawdu' (tajuk) berkaitan dengan wakaf dalam setiap pengajian mereka (majal al-ta'lim) agar dapat memberi maklumat berterusan terhadap kepentingan ibadah wakaf kepada umat Islam. Hal ini kerana, untuk membentuk kesedaran tinggi masyarakat terhadap wakaf, ia memerlukan usaha dan kerjasama yang berterusan dari pelbagai pihak. Usaha ini diperlukan agar tuntutan dan kesedaran masyarakat terhadap wakaf semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Kedua: Pentadbiran adalah perkara tunjang dalam memastikan kejayaan sesuatu rancangan. Dari segi pentadbiran, wakaf perlu dibangunkan dan diperkembangkan lagi fungsi, produk dan kepentingannya dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam. Pengurusan dan perlaksanaan wakaf di Malaysia juga harus cekap dan telus dalam menjamin kejayaan untuk memartabatkan peranan maksimum wakaf dalam kehidupan negara umat Islam seluruhnya.

Ketiga: Tahap perkembangan wakaf di Negeri Selangor, dahulunya ia hanya dianggap sebagai ibadah semata-mata, namun dari sudut perspektif institusi kewangan Islam, apabila jawatankuasa penasihat syariah membuat penilaian terhadap produk-produk aplikasi wakaf, dilihat produk-produk aplikasi wakaf ini mampu menyerap segala elemen muamalah dan fahaman sempit bahawa aplikasi wakaf akan menyebabkan penyusutan dan kejatuhan ekonomi. Jadi, dengan memperkenalkan konsep baru dan penampaikan konsep dalam wakaf, ia membuka peluang yang lebih luas kepada institusi kewangan di Negeri Selangor.

Keempat: Akta dan enakmen wakaf yang diwujudkan perlu lebih terbuka dan dapat dirombak pada bila-bila masa sesuai dengan perkembangan semasa dan mengikut keperluan dan kepentingannya. Di samping itu, majlis agama Islam Selangor (MAIS) juga perlu memudahkan proses berhubung dengan harta wakaf agar semua orang tertarik untuk melaksanakan ibadah wakaf meskipun ia berkaitan dengan harta benda, yang mempunyai peraturan dan proses dokumentasinya (Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Kanun Tanah Negara).

Kelima: Oleh kerana terdapat banyak keadaan di mana harta wakaf tidak dapat dibangunkan kerana permasalahan seperti kedudukan yang kurang strategik,

penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya, amalan konsep istibdal adalah jalan keluar terbaik untuk membangunkan semula harta wakaf berkenaan. Konsep dan perlaksanaan istibdal ini sebenarnya telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 1982. Konsep dan perlaksanaan istibdal ini seharusnya perlu lebih efisien. Antara agenda pembangunan yang boleh diketengahkan melalui kaedah ini ialah seperti mendirikan institusi masjid, institusi pendidikan, pusat tanggungjawab sosial (rumah anak yatim), penternakan, pertanian, pusat khidmat komuniti dan pusat perniagaan. Cara ini sekaligus boleh meningkatkan pendapatan dan ekonomi umat Islam dengan pulangan keuntungan dan peluang pekerjaan yang tersedia dengan pembangunan harta wakaf ini.

Keenam: Penggunaan khidmat Nazhir Khas Dilantik (mutawalli) oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam perihal harta wakaf juga perlu diwujudkan. Nazhir yang dilantik khas ini perlu dari kalangan orang dalam kalangan satu-satu kawasan kariah dan daerah agar beliau senang dirujuk jika berlaku masalah dan urusan wakaf. Nazhir ini akan berkuasa dan dapat mengatasi (mengubah) niat (shighah asal) yang telah ditulis orang yang ingin mewakafkan sesuatu harta. Nazhir ini bertanggungjawab dan berhak mengkaji dan memutuskan manfaat yang terbaik bagi pembangunan harta wakaf meskipun ia berlawanan dengan niat asal orang yang ingin mewakafkan harta. Nazhir ini juga yang akan berurusan dengan pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Dengan cara ini, harta wakaf akan kekal membangun dan boleh memberi manfaat untuk kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Ini sekaligus dapat memberi limpahan pahala kepada dermawan yang telah mewakafkan harta.

Ketujuh: Wakaf juga boleh dibangunkan bersama elemen Islam lain seperti zakat untuk tujuan manfaat seperti untuk program pendidikan. Negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Great Britain sudah mula menjalankan dan membangunkan serta memaksimumkan aplikasi wakaf dalam urusan muamalah sehari-hari mereka. Ternyata, ia dapat memberi keuntungan dan kemudahan terbaik dalam segenap lapangan untuk kesejahteraan hidup rakyatnya.

## **6. KESIMPULAN**

Di Selangor terdapat masih banyak harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, akan tetapi sehingga kini masih belum dimajukan sewajarnya. Malahan, banyak harta wakaf yang tidak ada rekod dan maklumat sistematik. Hal ini tidak sewajarnya berlaku. Oleh itu, penubuhan pemusatan institusi wakaf dan penambahbaikan konsep wakaf perlu dilaksanakan. Tanpa pendekatan ini, institusi wakaf tidak mungkin berkembang maju dan dapat dikendalikan secara tersusun dan menyeluruh. Pentadbiran dan pelaksanaan institusi dan produk wakaf memerlukan perubahan yang drastik untuk ia berperanan secara lebih efektif dan perkasa.

Institusi wakaf perlulah stabil, lestari dan fleksibel dalam menghadapi apa jua kemungkinan dan halangan yang ada serta tidak terhalang. Wakaf merupakan aset tetap dan penting bagi umat Islam. Ia merupakan satu aset harta yang tidak mudah dimanipulasi dan dibinasakan berbanding sistem-sistem kehartaan lain. Oleh itu, dengan cadangan pemerkasaan ini, adalah lebih menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha meletakkan kembali wakaf ke taraf yang sebenar dan menjadikannya satu ibadah dalam pembangunan masyarakat dan negara.

## **7. RUJUKAN**

- Adams, C. J. (1976). Islamic Religious Tradition. In L. Bindr (Ed.), *The Study of the Middle East: Research and Scholarship in the Humanities and the Social Sciences* (pp. xx-xx). Toronto: John Wiley & Sons. As cited in Minhaji, A. (2010). *Sejarah Sosial dalam Studi Islam: Teori, Metodologi, dan Implementasi* (pp. 50-51). Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press.
- Al-Qurtubi, A. ‘A. M. S. al-D. (1964). *Al-Jami’ li Akhami al-Quran* (Vol. 4). Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Abdillah Ahmad al-Jufri. (2002). *Pelita al-Quran (Surah al-‘Imran dan al-Nisa’)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Khatib al-Syarbini. Mughni al-Muhtaj.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1).
- Al-Tarmidhi. Sunan al-Tarmidhi, *Kitab al-Manaqib* (No. Hadith 3703).
- Al-Naysaburi, M. b. al-H. (n.d.). *Sahih Muslim* (No. Hadith 2607). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Tabari, M. I. J. (2000). *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran* (Vol. 6). Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Syarbini, M. I. al-K. (1997). Mughni al-Muhtaj Illa Ma’rifat Ma’ani Alfaz al-Minhaj. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Zuhaili, W. (1998). *Al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- Al-Bahuti, M. (1997). *Sharh Muntaha al-Iradat* (1st ed.). Beirut: Nazzar Mustafa al-Bas.
- Al-Maqrizi. (1997). *As-Suluk li Ma’rifah Duwal wa Al-Muluk*. Lubnan: Dar al-Kutub Al-Ilmiyah.

- Al-Tarabulsi, B. al-D. I. b. M. b. A. B. I. al-S. A. (1981). *Al-Isaf fi Ahkam al-Awqaf*. Beirut: *Dar al-Rai'd al-'Arabi*.
- Al-Sheikh 'A. al-S. al-'A. al-M. (1938). Hashiyah 'ala Kifayah al-Talib al-Rabbani Li Risalah Ibn Abi Zaid al-Qairawani. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zuhaili, W. (2005). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (8th ed.). Dimashq: Dar al-Fikr.
- Baniyah Mohd Shariff. (1993). Tanah wakaf: realiti pengurusan dan sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat Islam semasa: Kajian kes di Wilayah Persekutuan. Jabatan Pengajian Islam: *Universiti Malaya*.
- Boeree, G. (2005). Qualitative methods. Retrieved December 30, 2005, from <http://webspace.ship.edu/cgboer/genpsyqualmeth.html>.
- Brannen, J. (1999). Memadu metode penelitian kualitatif dan kuantitatif (H. Mukhtar Arfawi Kurde, Trans.). Yogyakarta: *Pustaka Pelajar*.
- Central Michigan University. (2020). Qualitative methods and analysis strategies. Retrieved December 29, 2020, from <http://www.ehs.cmich.edu/qualitative/types.htm>
- Dini Selasi & Muzayyanah, M. (2020). Wakaf saham sebagai alternatif wakaf produktif pada perkembangan ekonomi syariah di Indonesia, *Tawazun: Journal of Sharia Economic Law*, Vol. 3, No. 2, hlm. 168.
- Farahdina A. M., & Nursiah S. (2004). Peranan harta wakaf dalam bidang pembangunan dan pendidikan: Fokus dalam bidang perubatan. In Koleksi Kertas Sisipan Seminar Kebangsaan: Peranan Harta Sedekah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Ummah (pp. 13-14). *Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam* (CiTu) UiTM.
- Ibn Kathir, A. a.-F. I. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Vol. 2). Saudi Arabia: Dar Taibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn al-Hammam, K. al-D. (2003). *Sharh Fath al-Qadir 'ala al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'* (Vol. 5). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, M. A. Hashiyah Radd al-Muhtar ala al-Durr al-Mukhtar.
- Imam al-Nawawi, Y. b. S. al-D. (1972). Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi (Vol. 11). Beirut: *Dar Ihya al-Turath al-'Arabi*.
- Khalid Muhibib. (2005). Athar al-Waqf ala Da'wah ilallah Taala. Wizarah Syuun al-Islamiyah: Riyadh.
- Laporan Tahunan Perbadanan Wakaf Selangor 2023. Selangor : *Majlis Agama Islam Selangor*.
- Malik bin Anas. (2004). Al-Muwatta (No. Hadith 4196, Kitab al-Jami', Bab al-Targhib fi al-Sadaqah). Beirut: *Bayt al-Afkar al-Dawliyyah*.
- Masriyah, S., Saroya, S., Fitriyah, A., & Djalaluddin, A. (2024). Peran wakaf produktif dalam kesejahteraan masyarakat. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*. 10(01), 627-631. doi: <http://dx.doi.org/10.29040/jiei.v10i1.12064>
- Minhaji, A. (2009). Strategies for social research: The methodological imagination in Islamic studies. Yogyakarta: *Sunan Kalijaga Press*.
- Muhammad Hasan al-Himsi. Al-Quran al-Karim: *Tafsir wa bayan ma'a faharis kamilah lil mawadhi' wal alfaz*.
- Musa bin Ramli (*Mantan Pejabat Daerah Selangor*).
- Muslim. Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyyah Bab Ma Yalhaq al-Insan Min al-Thawab ba'da Wafatih (No. Hadith 1631).
- Muhadjir, N. (1996). *Metologi penelitian kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin. (pp. 55, 67).
- Muhammad Agil, Noviana, N. S., Arif, Z. & Milla, A. (2023). Meminimalkan risiko dan maksimalkan keuntungan : Strategi manajemen risiko dalam pengelolaan wakaf produktif. *Al-Maraqbah: Journal of Management and Sharia Busines*, Vol. 3, No. 2, 2023, hlm. 18.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1996). Role of the state in the economy in Islamic perspective. Leicester: *United Kingdom Islamic Foundation*.
- Muhamnmad Abu Zuhrah. *Muhadarat fi al-Waqf*.

- Mohd Zain Haji Othman. (1982). Islamic law with special reference to the institution of waqf. Kuala Lumpur: *Prime Minister's Department*.
- Rahmany, S. (2019). Wakaf produktif di Malaysia. *IQTISHADUNA: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 8(1), 43-64. <https://doi.org/10.46367/iqtishaduna.v8i1.151>.
- Rahmatillah. (2022). Pengelolaan wakaf produktif di Kabupaten Pidie Provinsi Aceh (tantangan dan kendala). *Journal of Sharia Economics*, Vol. 3, No. 1, hlm. 47-48.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2001). Bagaimana membuat wakaf. Kuala Lumpur: *Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya.